



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha
Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah
Teluk Likas, Peti Surat 11623
88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mel: ysinfo@ysnet.org.my

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>



SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

UNTUK SIARAN SEGERA

11 November 2024

KUMPULAN YAYASAN SABAH TURUT SERTA DALAM PERKHIDMATAN KOMUNITI BERGERAK ANJURAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH DI TONGOD

TONGOD (Isnin): Seiring dengan kluster Kesejahteraan Rakyat di bawah konsep Malaysia Madani dan Sabah Maju Jaya, Kumpulan Yayasan Sabah mengambil langkah proaktif dalam menjayakan program Perkhidmatan Komuniti Bergerak (MCS) anjuran Perbendaharaan Malaysia Sabah. Program ini diadakan di Padang SK Penangah, Tongod pada 9 November 2024, melibatkan lebih 26 jabatan dan agensi dalam usaha memberikan perkhidmatan kepada masyarakat setempat.

Dalam program ini, Kumpulan Yayasan Sabah menawarkan beberapa perkhidmatan untuk orang ramai antaranya peluang melanjutkan pengajian di Kolej Teknologi Yayasan Sabah (KTYS) dan University College Sabah Foundation (UCSF). Penyertaan Pusat Kraftangan Sabah (PKS) dan Pejabat Zon Utara Pantai Timur (ZPTU) juga turut memeriahkan di ruang pameran Kumpulan Yayasan Sabah dengan mengadakan pameran produk-produk kraf tangan hasil usahawan tempatan ZPTU.

Program MCS merupakan salah satu usaha kerajaan secara bersepadu untuk mendekatkan rakyat kepada pelbagai jenis perkhidmatan di lapangan khususnya di luar bandar dan pedalaman yang berhadapan dengan isu-isu kebolehcapaian. Menerusi program ini, Kumpulan Yayasan Sabah merakyatkan perkhidmatan masyarakat setempat menerusi akses dan informasi mengenai aktiviti pendidikan dan pembangunan kapasiti yang diterajui oleh Kumpulan Yayasan Sabah.

Dalam program yang sama, Kumpulan Yayasan Sabah turut menyampaikan sumbangan berupa pakaian seragam sekolah kepada 67 pelajar sekolah rendah dan menengah yang terjejas akibat kebakaran di Kg. Seri Menanti, Penangah.



Gambar 1 : Para pengunjung diberi penerangan di ruang pameran Kumpulan Yayasan Sabah.



Gambar 2 : Ketua Penyelaras Pentadbiran Zon, Encik Zulkhairi bin Haji Ismail (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan.



Gambar 3 : Gambar berkumpulan mangsa terkesan kebakaran bersama-sama Ketua Penyelaras Pentadbiran Zon, Encik Zulhairi bin Haji Ismail.

----TAMAT-----

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Sam S. Karnail
Pengurus Kumpulan
Bahagian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel : 088-326448
Faks : 088-421526/088-326424
Emel : ynwaskarnail@gmail.com